

Maklumat produk, perkhidmatan halal disediakan

USAHAWAN yang mengunjungi Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2010 yang sedang berlangsung di Kuching, Sarawak berpeluang mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan halal menerusi platform dalam talian yang disediakan Pernec Corporation Bhd.

Menerusi portal perniagaan <http://www.halalsquare.com.my/> dan <http://www.ebe-kal.com.my/>, pengunjung khususnya usahawan berpeluang meningkatkan pengetahuan dalam memasarkan produk halal mereka secara dalam talian.

Pengarah Urusan Pernec, Abdul Karim Abdul Sallam, berkata pihaknya secara agresif memasarkan portal perniagaan berkenaan menerusi MSAM 2010 yang akan berlangsung sehingga Isnin ini.

"Portal perniagaan ini sudah sedia untuk dikomersialkan dan kami percaya ramai usahawan yang memerlukan platform seumpama ini bagi memasarkan produk halal mereka.

"Ia juga sebagai platform e-dagang bagi usahawan Islam mempromosikan konsep halal dan pemahaman produk halal di seluruh dunia, bagi memenuhi permintaan produk halal global yang semakin meningkat," katanya.

Menerusi portal HalalSquare.com dan juga pelbagai modul yang masih dalam perancangan, Abdul Karim berkata, ia bakal menjadi sumber maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan halal.

Antara modul yang sudah dilancarkan termasuk Halalsquare h-shop, yang bukan saja menawarkan produk makanan halal tetapi juga pakej haji dan umrah serta produk hiburan